

Gugurkan hukuman terhadap remaja pijak potret PM, kata Pakatan Malaysian Insider
8 September, 2012
Oleh Clara Chooi and Hafidz Baharom

KUALA LUMPUR, 8 Sept — Ahli parlimen Pakatan Rakyat (PR) mendesak Putrajaya untuk mengugurkan semua hukuman terhadap pelajar yang memijak dan menghina potret perdana menteri (PM), Datuk Seri Najib Razak, dengan mengatakan amaran lisan sudah cukup untuk memberikan pengajaran kepada pesalah.

Ahli parlimen berkata walaupun perbuatan tersebut tidak harus dibiarkan, pihak berkuasa perlu mengambilkira bahawa ianya dilakukan oleh remaja yang semata-mata gagal untuk mengawal emosi mereka di dengan baik.

Meneruskan dengan tindakan polis terhadap remaja tersebut, tambah ahli parlimen itu lagi, akan memalukan remaja tersebut dan memusnahkan masa depan mereka.

"Saya menuntut PM campur tangan dan beliau sepatutnya memaafkan kesalahan tersebut dengan hati terbuka," kata naib presiden PKR, Nurul Izzah Anwar kepada The Malaysian Insider.

Ahli parlimen Lembah Pantai itu berkata, beliau sedih pelajar 19 tahun yang yang memijak potret itu telah dibuang dari kolej, sambil menambah ini boleh memusnahkan semua peluang-peluang pendidikan untuk masa depan beliau.

Pihak polis sebelum ini telah menangkap remaja itu untuk diambil tindakan terhadap beliau manakala seorang lagi remaja juga telah melangkah ke hadapan untuk mengakui kesalahan melakukan perbuatan menghina potret PM.

Pihak polis sedang menyiasat perkara itu di bawah Akta Hasutan 1948, undang-undang pra-kemerdekaan yang pentadbiran Najib baru-baru ini berkata imerancang untuk memansuhkan.

"Walau apa pun perbezaan pendapat saya dengan tindakan beliau, saya percaya dia berhak diberikan peluang kedua, terutama mengingat rakan-rakan dari Perkasa menikmati kehidupan yang baik dan perlindungan dari kerajaan hari ini," kata Nurul.

Selain dari Nurul Izzah, ramai lagi ahli-ahli politik pembangkang yang lain membantah pihak berkuasa untuk bertindak begitu cepat menegur remaja tersebut dalam kejadian itu akan tetapi gagal untuk melakukan perkara yang sama terhadap mereka-mereka yang pro-Umno, pro-BN dan aktivis Perkasa apabila melakukan kesalahan sama.

Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (Perkasa), kumpulan sayap kanan Melayu pada Mei tahun ini menganjurkan upacara pengebumian olok-olok untuk ketua menteri Pulau Pinang yang juga setiausaha agung DAP Lim Guan Eng.

Pemimpin kumpulan itu, serta lain-lain aktivis pro-Umno juga telah mengadakan banyak bantahan menonjolkan gambar pemimpin Pakatan Rakyat (PR) dan aktivis masyarakat sivil seperti Datuk Ambiga Sreenivasan dipijak atau bahkan dibakar.

Tidak lama selepas perhimpunan Bersih 3.0 di ibukota, sekumpulan veteran tentera juga telah melakukan senaman punggung di luar rumah Ambiga.

"Mereka adalah orang-orang yang memulakan perkara ini. Kini, mereka sedang berurusan dengan perkara ini menggunakan ketegasan dan bukannya mengajar mereka untuk menggunakan politik beretika dan matang," kata ahli parlimen PAS Khalid Samad.

Naib presiden parti itu, Datuk Mahfuz Omar berkata bahawa walaupun beliau tidak bersetuju dengan tindakan remaja tersebut, polis harus lebih fokus pada tugas mereka - untuk memerangi jenayah dan tidak menghukum belia untuk tingkah laku sedemikian.

"Saya fikir ia adalah sangat jelas bahawa Umno, Barisan Nasional (BN) hanya menggunakan insiden terbaru ini untuk kepentingan politik mereka.

"Mereka mahu beri gambaran buruk kepada PR, mengatakan bahawa hanya BN boleh menjamin sebuah masyarakat yang bertamadun ... tetapi jika polis serius tentang kes-kes sebegini, maka mengapa mereka tidak mengambil tindakan yang sama terhadap pemimpin Perkasa yang pada masa melakukan tindakan yang lebih teruk kepada orang lain, " kata ketua Pemuda Sosialis DAP Anthony Loke.

Beliau bersetuju bahawa siasatan polis terhadap mereka yang terlibat dalam insiden gambar dipijak harus dilakukan di luar dan hukuman semua ditarik balik, sambil menambah permintaan maaf dan laporan media yang melaporkan tentang dua remaja tersebut sudah cukup sebagai pengajaran.

"Kita tidak menggalakkan orang lain untuk mengikuti jejak mereka, tetapi jika mereka dihukum dengan cara ini, sesungguhnya ia akan menjadi menyusahkan kerajaan dan ia akan terus mempertentangkan masyarakat," katanya.

Naib presiden sayap Muslimat PAS, Mumtaz Md Nawī bersetuju, sambil menambah bahawa pihak berkuasa sebaliknya harus memberi tumpuan kepada isu-isu yang telah menyebabkan remaja berkelakuan demikian.

"Isu-isu sebenar adalah jenayah tinggi, harga petrol naik dan ini menyebabkan remaja hilang hormat kepada pemimpin mereka. Jika mereka mempunyai hormat, mereka tidak akan menolak untuk melakukan apa yang mereka lakukan," kata Mumtaz.

Kekecohan meletus minggu lalu selepas beberapa individu telah dilaporkan mengoyak poster yang mengandungi imej perdana menteri, isterinya dan pengerusi suruhanjaya pilihan raya, Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof semasa perhimpunan pro-demokrasi pada sambutan ambang Merdeka.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman, Datuk Seri Mohd Bakri Zinin sebelum ini berkata polis akan menyiasat insiden berkenaan di bawah Akta Hasutan - walaupun Putrajaya telah memutuskan untuk menyemak semula akta berkenaan kerana dikatakan digunakan untuk menyekat lawan politik.

Tambah beliau, memijak gambar Najib dan isterinya dianggap sebagai kesalahan di bawah Seksyen 290 Kanun Keseksaan kerana menimbulkan mudarat serta Seksyen 504 Kanun Keseksaan dengan sengaja mengaibkan dengan niat hendak mengganggu keamanan.

Mereka yang didapati bersalah di bawah Seksyen 290 boleh didenda sehingga RM400 manakala di bawah Seksyen 504 boleh dipenjarakan sehingga dua tahun, denda, atau kedua-duanya.

Walau bagaimanapun, Seksyen 4 (1) (a) Akta Hasutan menetapkan hukuman penjara mandatori tiga tahun atau denda sehingga RM5, 000 untuk pesalah kali pertama, yang kemudiannya dinaikkan kepada penjara lima tahun bagi kesalahan berulang.

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/gugurkan-hukuman-terhadap-remaja-potret-pm-kata-pakatan/>